



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN KRAF SATU DAERAH
SATU INDUSTRI PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN
MALAYSIA CAWANGAN JOHOR**

**Norzaifrah Binti Zaini
24511**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2012**

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000275217

**PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN KRAF SATU DAERAH SATU
INDUSTRI PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA
CAWANGAN JOHOR**

NORZAI FIRAH BINTI ZAINI

(24511)

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dan Kreatif dengan Kepujian
Program Pengurusan Seni**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

2012

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN PENULISAN

JUDUL: **PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN KRAF SATU DAERAH
SATU INDUSTRI PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN
MALAYSIA CAWANGAN JOHOR**

SESI PENGAJIAN : 2011/2012

Saya

NORZAI FIRAH BINTI ZAINI

Mengaku membenarkan tesis/Laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. **sila tandakan (√)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Tandatangan Penulis

Tarikh: 2/7/2012

Alamat Tetap:

Km27 Jalan Bukit Gadong, Batu Gajah,

77300 Merlimau, Melaka



Tandatangan Penyelia

Tarikh: 2/7/2012

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk “Program Pembangunan Usahawan Kraf Satu Daerah Satu Industri Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Johor” telah disediakan oleh Norzaifirah Binti Zaini dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh,


.....

(Dr. Noria Anak Tugang)

Penyelia Program Pengurusan Seni,

Tarikh : 2/7/2012

Pengakuan

Saya mengakui penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan Tahun Akhir ini tiada bahagian daripada penyelidikan ini digunakan sabagai sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada daripada universiti ini atau institusi pengajian tinggi yang lain.

Yang Benar,



(Norzaifirah Binti Zaini)

No. Matrik : 24511

Program Pengurusan Seni

Universiti Malaysia Sarawak.

Penghargaan

Syukur kepada Yang Maha Esa dengan izinNya kajian ini dapat dilakukan dengan sempurna. Segala pujian bagi Allah SWT atas rahmatNya sepanjang kajian dilakukan telah dipermudahkan urusan untuk pengumpulan maklumat bagi menyiapkan kajian ini. Pada Kesempatan ini, saya ingin menyatakan ucapan terima kasih kepada kedua ibubapa dan adik-beradik saya yang telah banyak memberi sokongan dan membantu dari segi kewangan bagi membantu saya menyiapkan kajian ini. Namun begitu, tidak lupa juga kepada penyelia saya Dr. Noria Anak Tugang yang telah banyak memberi dorongan dan nasihat dalam memyempurnakan penulisan kajian ilmiah ini. Saya berharap dapat menjadikan kajian ini sebahagian daripada sumber ilmu kepada pengkaji akan datang dan orang awam sebagai panduan mendapatkan maklumat.

Abstrak

Program pembangunan usahawan kraf SDSI dilakukan untuk meningkatkan daya pengeluaran produktiviti dan daya proaktif usahawan kraf. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelan atau rancangan tindakan dan menganalisa program pembangunan yang dilakukan oleh PKKMCJ. Kaedah kualitatif digunakan melalui temubual dan pemerhatian. Hasil dapatan kajian mendapati perancangan yang rapi dan teratur dalam menjalankan aktiviti program yang dilaksanakan dapat membangunkan usahawan kraf SDSI Negeri Johor Darul Ta'zim.

Abstract

The SDSI craft entrepreneur development programme is accomplish to increase the capable of production productivity and the proactive ability of SDSI entrepreneur. The research purpose is to examine the action plan and to analyse the development programme that accomplish by PKKMCJ. Qualitative method is used through interview and observation session. The research finding that an efficient planning in this programme will develop among the SDSI entrepreneur craft in Johor Darul Ta'zim.

Isi Kandungan

Tajuk Halaman	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Isi Kandungan	vi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	21
1.3 Objektif Kajian	22
1.4 Hipotesis	23
1.5 Soalan Kajian	23
1.6 Skop Kajian	24
1.7 Lokasi Kajian	25
1.8 Kepentingan Kajian	26
1.9 Limitasi Kajian	27
1.10 Rumusan	29

BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan	30
2.2 Konsep Program	30
2.3 Konsep Pembangunan Usahawan	33
2.4 Pelan Tindakan Pembangunan Usahawan Kraf	35
2.5 Membangunkan Usahawan Kraf SDSI Daerah Muar	40
2.6 Penilaian Aktiviti Yang Dilakukan	42
2.7 Rumusan	44

BAB3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	46
3.2 Kaedah Kualitatif	47
3.3 Sumber Data	48
3.4 Populasi	56
3.5 Persempelan	56
3.6 Instrumen Kajian	57
3.7 Soalan Temu bual	58
3.8 Rumusan	58

BAB 4 : ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	60
----------------	----

4.2 Analisa Data Temu bual Bersama Informan	61
4.3 Hasil Dapatan Kajian Melalui Pemerhatian	83
4.4 Rumusan	84

BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan	85
5.2 Cadangan	88

BIBLIOGRAFI	92
--------------------	-----------

LAMPIRAN	95
-----------------	-----------

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Usahawan kraf di Malaysia kini mula mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan kemajuan dalam industri kraf negara. Oleh itu, pelbagai usaha dilakukan dalam program yang telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat tersebut. Ekoran daripada hal ini, Program pembangunan usahawan kraf menjadi pendekatan utama Kraftangan Malaysia untuk meningkatkan daya pengeluaran produk kraf bermutu dan membangunkan usahawan kraf berwibawa yang menjadi pemangkin di dalam pembangunan industri kraf negara.

Merujuk kepada data statistik usahawan kraf yang terdapat di Malaysia, seramai 6167 orang usahawan kraf pada akhir tahun 2007. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 77% berbanding usahawan pada tahun 2004 iaitu seramai 3480 orang. Oleh hal yang demikian, pengembangan pasaran dan pembangunan produk berorientasikan pengeluaran akan terus dikekalkan. Usaha ini akan ditingkatkan lagi bagi membangunkan usahawan kraf yang dikenalpasti berpotensi untuk dimajukan. Menurut Sahaimi Abd. Manar (2009) dalam Kraf Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Berdasarkan pernyataan tersebut, usahawan dapat dipertingkatkan melalui salah satu program pembangunan berdasarkan kepada maklumat di atas iaitu, Program Pembangunan Usahawan Kraf yang mana merujuk kepada kajian yang ingin dijalankan. Kajian ini akan menerangkan tentang pembangunan usahawan kraf yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Johor (PKKMCJ) dalam memartabatkan industri kraftangan Malaysia dan meningkatkan ekonomi usahawan kraf tersebut. Oleh itu, dua jenis perkhidmatan di bawah program pembangunan usahawan kraf SDSI iaitu, Latihan Pembangunan Kompetensi Keusahawanan dan Klinik Konsultansi Usahawan Kraf.

Dalam kajian ini, akan mengkaji Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Johor (PKKMCJ) sebagai salah satu perbadanan kraftangan Malaysia yang dipertanggungjawabkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) dalam melaksanakan “Program Pembangunan Usahawan Kraf Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Kraftangan Malaysia”.

1.1.1 Penjelasan Program

Perniagaan utama bagi Program Pembangunan Usahawan Kraf adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran produk kraf bermutu dan membangunkan usahawan kraf berwibawa yang menjadi pemangkin di dalam pembangunan industri kraf negara. Langkah ini untuk memartabatkan warisan kraf Negara standing dengan kraf Negara lain.

Kraftangan Malaysia telah meletakkan sasaran dalam membangunkan usahawan kraf yang berdaya maju dan berdaya tahan serta berdaya saing yang dapat menjadi pemangkin dalam pembangunan industri kraf Malaysia. Dua objektif tersebut iaitu:

- i) Pertama mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Sasaran ini bagi membasmi pengangguran penduduk Malaysia terutama golongan muda. Oleh itu, melalui penyertaan ini dalam aktiviti pengeluaran produk kraf secara komersial dengan menggunakan bahan mentah dan kemahiran warisan setempat dapat mewujudkan peluang pekerjaan.

- ii) Objektif kedua pula Kraftangan Malaysia ingin meningkatkan ekonomi negara.

Melalui pembangunan kraftangan Malaysia, dapat membangunkan sektor pengeluaran produk kraf tempatan supaya keluaran industri kraf dapat menjadi penyumbang kepada keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Oleh itu, strategi bagi meningkatkan pembangunan industri kraf dilakukan dengan memberi penekanan kepada program pembangunan usahawan kraf SDSI.

Merujuk Padilah Haji Ali (1997) dalam buku Dewan Budaya, “artenatif yang berkesan perlu diambil bagi membangunkan sumber manusia itu”.

Pembangunan sumber manusia merujuk kepada proses pembangunan manusia yang mengembangkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keupayaan. Pembangunan sumber manusia menjadi sangat penting untuk memperbaiki prestasi seseorang yang akan memberi sumbangan kepada kemajuan organisasi atau masyarakat setempat.

Menurut beliau lagi, kecemerlangan ekonomi bukan sahaja bergantung pada faktor pengeluaran yang lain, tetapi merujuk kebebasan penggunaan guna tenaga yang sepenuhnya. Ini menunjukkan setiap organisasi atau syarikat sudah mula melihat bahawa sumber manusia merupakan aset yang amat berguna jika dibangunkan secara sistematik. Selain itu, pembangunan ini memerlukan penyerapan pendidikan. Aktiviti pendidikan dengan menyediakan latihan dan kemahiran yang sesuai dalam bidang yang dilakukan akan dapat membantu pembangunan secara intensif dan serius.

Latihan berbentuk amali seperti latihan peningkatan sendiri, latihan meningkatkan pengeluaran produk dan latihan pemprosesan dan pemasaran produk akan dapat meningkatkan daya tahap pemikiran usahawan kraftangan tersebut. Melalui latihan ini juga akan membangunkan produktiviti usahawan setempat dan membangunkan usahawan secara proaktif dengan bakat kreativiti dan inovatif yang diperolehi.

Manakala kemahiran pula, boleh dilakukan dalam bentuk kemahiran teknik spray, kemahiran teknik penghasilan produk, kemahiran penjagaan kualiti bahan

dan kemahiran penghasilan rekaan produk baru. Kemahiran ini dapat membantu usahawan mengenalpasti mutu produk yang dihasilkan. Justeru itu, membantu usahawan kraf menjadi usahawan yang setanding dengan negara-negara pengeluar yang lain.

Namun begitu, Menurut Sahaimi Abd. Manaf (2009) melalui majalah Kraf, usahawan kraf harus mengambil peluang yang disediakan oleh kerajaan, usahawan perlu menjadi lebih proaktif dan seharusnya dijadikan insperasi untuk mengerak, membangun dan memajukan perusahaan kraf negara. Menurut beliau lagi semua itu akan membantu pengusaha kraf tempatan menempa lembaran sejarah dan menurap episod baru dalam menyumbang peranan membangunkan industri kraf negara.

Program ini dilakukan untuk memajukan usahawan kraf tempatan terutama di daerah-daerah yang belum dibangunkan dan mempunyai bekalan bahan mentah semulajadi yang masih kurang diterokai. Justeru itu, usahawan kraf tersebut kurang mengambil peluang yang disediakan seperti aktiviti krusus secara percuma dan latihan yang disediakan oleh pihak penganjur iaitu latihan kemahiran teknik kraf untuk usahawan yang disediakan secara berterusan dilakukan di dalam Malaysia dipandang ringan oleh usahawan kraf tersebut.

Menurut Puan Hardiana Johar (2011) pula kebanyakan aktiviti yang dijalankan oleh PKKMCJ, usahawan SDSI kurang mengambil serius atas aktiviti tersebut. PKKMCJ telah menyediakan tapak untuk menjalankan promosi iaitu tapak gerai

jualan kepada usahawan tersebut untuk diperkenalkan kepada pengguna di sekitar Johor Bahru, Johor. Namun, antara usahawan tersebut tidak mengikuti promosi yang disediakan oleh PKKMCJ dengan sebaik mungkin. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan PKKMCJ seperti aktiviti promosi Hari kraf yang dilakukan baru-baru ini di Persada Johor Bahru, Johor pada 24 Disember 2011.

Oleh itu, usahawan kraf SDSI perlu memanfaatkan ilmu yang diperolehi semasa mengikuti sesi latihan dan kemahiran dengan mengikuti aktiviti promosi pula. Langkah ini merupakan strategic memastikan keluaran produk usahawan kraf tersebut dikenali umum. Selain itu, merupakan salah satu kunci untuk memperkenalkan produk terbaru usahawan kraf tersebut.

Selain itu, pernyataan Ashari Kasnan (2011:14–15) dalam Majalah *Bisness* memetik Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata usahawan SDSI perlu menguasai teknik penghasilan produk bagi menampung permintaan pasaran dunia yang sentiasa berubah. Hal ini kerana, kualiti kemahiran teknik pembungkusan usahawan masih kurang mencapai tahap kualiti seperti di negara Jepun dalam lawatan beliau ke negara tersebut.

Faktor yang menjadikan usahawan berada pada pemikiran lama ini bukan sahaja pengaruh dalam diri usahawan tersebut, malahan faktor persekitaran sama ada faktor persekitaran khusus atau umum yang berubah dengan cepat iaitu dari segi teknologi, ekonomi, politik, dan sosial dalam sesebuah komuniti masyarakat alaf baru pada masa kini. Faktor ini menjadikan usahawan kraf

sukar untuk berubah atas sebab kurang kemahiran dan kurang kesedaran kepentingan faktor program pembangunan usahawan yang dijalankan terhadap mereka.

Oleh itu, Kraftangan Malaysia perlu merancang strategi yang sesuai dalam membangunkan usahawan kraftangan Malaysia. Program pembangunan ini merupakan salah satu langkah yang dilakukan bagi memastikan kelangsungan penghasilan kualiti keluaran produk usahawan kraftangan Malaysia setanding dengan keluaran negara lain. Contohnya, keluaran produk kraftangan dari negara Indonesia. Jabatan Perdana Menteri Malaysia (2006) dalam buku Arahan Pelaksanaan Program Satu Daerah Satu Industri, bagi merealisasikan pendekatan ini, satu jentera penyelarasan bersepadu dan berkesan perlu diambil bagi meningkatkan kreativiti pemikiran usahawan itu sendiri.

1.1.2 Sejarah Satu Daerah Satu Industri (SDSI)

Pada tahun 1992 program SDSI mula digerakkan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6). Pada awalnya, SDSI ini dikenali sebagai Program Satu Kampung Satu Produk (SKSP). Program ini diambil daripada kejayaan program *One Village One Product* (OVOP) di Oita Prefecture di Jepun. Usaha dalam membangunkan industri kraftangan dan produk-produk yang berasaskan makanan dan hasil pertanian telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam usaha meningkatkan SKSP.

Selepas tahun 2002, SKSP telah diubahsuai kepada nama Satu Kampung Satu Industri (SKSI) atas persetujuan kerajaan bagi mencapai kemajuan seperti OVOP di Jepun. Setahun kemudian pada tahun 2003, sekali lagi konsep ini diubahsuai kepada Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang mencakupi skop yang lebih luas. SDSI ini juga telah dilaksanakan oleh Negara Thailand (One Tambun One Product) untuk membasmi kemiskinan rakyat di negara tersebut. Manakala di Filipina OTOP diwujudkan bagi meningkatkan tahap keusahawanan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan untuk membasmi kemiskinan di negara mereka. Oleh itu, SDSI ini merupakan langkah yang terbaik bagi meningkatkan ekonomi negara bagi memajukan masyarakat setempat dan memartabatkan industri tempatan.

Manfaat daripada SDSI ini, pada 8 Disember 2004 Jemaah Menteri telah menubuhkan satu jawatankuasa SDSI peringkat kebangsaan yang berperanan sebagai penyelaras dan pemantau pelaksanaan program SDSI tersebut. Pihak yang berperanan sebagai penyelaras utama SDSI ini ialah Jabatan Penyelarasan Malaysia iaitu Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan ICU JPM.

ICU JPM bertindak sebagai urusetia dan penyelaras program SDSI bagi memantapkan jentera pelaksanaan SDSI di semua peringkat. Timbalan Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat bagi menentukan hala tuju dan dasar SDSI ini dari semasa ke semasa dengan kementerian dan agensi yang terlibat. Pihak ICU JPM telah memberi mandat kepada Perbadanan Kemajuan

Kraftangan Malaysia (PKKM) untuk melaksanakan tugas dalam industri kraftangan negara untuk dimajukan dan dimartabatkan warisan negara sama ada di luar negara atau dalam negara. PKKM merupakan salah satu agensi yang terlibat dalam melaksanakan program SDSI ini.

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Johor (PKKMCJ) sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program pembangunan usahawan kraf SDSI dalam membangunkan industri kraftangan Malaysia terhadap usahawan kraf SDSI ukiran kayu Daerah Muar, Negeri Johor Darul Ta'zim. Justeru itu, bagi meningkatkan ekonomi negara, industry kraf juga turut menyumbang kepada pendapatan negara. Malahan dapat menjaga warisan kraftangan Malaysia dan dapat diperkenalkan di antarabangsa.

1.1.3 Konsep SDSI

SDSI yang dilaksanakan pada masa kini adalah berkonsepkan pembangunan satu atau dua produk atau perkhidmatan beridentitikan satu daerah bertujuan bagi meningkatkan pendapatan masyarakat setempat. SDSI akan digelar kepada sesuatu tempat atau daerah yang menjalankan satu atau dua jenis produk yang sama dalam sub-bidang sama jenis produk penghasilan keluaran kraf.

Konsep SDSI ini juga akan digelar kepada satu daerah yang mempunyai lebih daripada lima usahawan kraf yang menjalankan sub-bidang sama jenis produk di

kawasan tersebut dalam kelompok yang sama. Dalam kajian ini akan difokuskan kepada usahawan kraf Daerah Muar, Johor yang menjalankan produk kraf dalam sub-bidang ukiran kayu dalam kelompok usahawan tersebut.

Menurut Jabatan Perdana Menteri (2006), SDSI yang dilaksanakan berkonsepkan pembangunan produk atau perkhidmatan yang beridentitikan satu daerah yang dihasilkan secara komersial untuk menarik minat pelancong ke daerah tersebut. SDSI ini juga memupuk masyarakat harmoni dan menjurus kepada masyarakat budaya kreatif dan berinovasi melalui sosio-ekonomi secara komuniti.

Konsep baru yang bakal dilaksanakan pula berorientasikan model perniagaan yang lebih berdaya tahan dan berdaya maju serta mempunyai rantai nilai tambah yang tinggi untuk mendapatkan manfaat sepenuhnya berdasarkan program SDSI ini. Melalui konsep ini, program SDSI tidak dianggap sebagai pekerjaan sampingan dan pendapatan tambahan, atau sebahagian daripada pembasmian kemiskinan. Namun begitu, SDSI ini juga merupakan salah satu bentuk perniagaan yang menjana potensi dan pendapatan berterusan dalam menghasilkan produk kraf SDSI.

SDSI ini terbahagi kepada beberapa sub-bidang iaitu, kraftangan ukiran kayu, kraftangan tekstil, kraftangan seramik, kraftangan logam, kraftangan kristal, kraftangan ukiran batu, aneka kraf dan fesyen. Melalui aktiviti pembangunan produk, sebanyak 3,254 rekaan produk baru telah dihasilkan dalam sub-bidang

kraftangan SDSI tersebut. Pereka Kraftangan Malaysia telah berkerjasama dengan 460 orang usahawan kraf bagi menghasilkan 1,931 unit produk prototaip dan sebanyak 879 produk telah dikomersialkan sehingga 31 Disember 2009. Berdasarkan buku Laporan Tahunan 2009.

Setiap sub-bidang kraftangan ini mempunyai usahawan kraf SDSI sendiri yang telah digelar SDSI oleh pihak Kraftangan Malaysia. Dalam kajian ini hanya menumpukan kepada usahawan SDSI ukiran kayu Daerah Muar kerana usahawan tersebut berpotensi untuk dimajukan dan dibangunkan menurut pihak PKKMCJ.


1.1.4 Penglibatan PKKCMJ dalam membangunkan Usahawan Kraf SDSI

PKKMCJ merupakan badan yang dipertanggungjawabkan oleh PKKMM dalam membangunkan usahawan kraf SDSI Negeri Johor. Terdapat sepuluh daerah yang meliputi Negeri Johor Darul Ta'zim (merujuk kepada portal rasmi kerajaan Negeri Johor). Antaranya ialah, Daerah Johor Bahru, Daerah Kulaijaya, Daerah Pontian, Daerah Kota Tinggi, Daerah Kluang, Daerah Segamat, Daerah Muar, Daerah Batu Pahat, Daerah Mersing, dan Daerah Ledang.

Oleh itu, seramai 181 orang usahawan kraf SDSI terdapat di beberapa kawasan sekitar daerah, Negeri Johor. Berdasarkan kajian yang dilakukan, kajian ini akan menjurus kepada usahawan kraf SDSI di Daerah Muar sebagai lokasi usahawan SDSI yang diutamakan oleh PKKMCJ dalam program pembangunan usahawan

kraf SDSI di daerah tersebut. Seramai enam orang usahawan SDSI ukiran kayu di daerah tersebut akan dibangunkan oleh PKKMCJ dalam program pembangunan usahawan kraf SDSI.

Rajah 1.1 : Peta Negeri Johor



Rajah 1.1 sumber : <http://krafjohor.blogspot.com/p/direktori-usahawan.html>

Latar belakang PKKMCJ pula ialah pada mulanya telah beroperasi di Negeri Johor pada tahun 1986 di Bangunan Komplaks MAWAR di Jalan Sungai Chat di Johor Bahru yang lebih dikenali sebagai Kraftangan Malaysia. Setelah dua tahun beroperasi, jabatan tersebut berpindah ke Bangunan KOMTAR di Jalan Wong Ah Fook dan kembali semula ke Komplaks MAWAR pada tahun 1989.

Tahun 1989 pada mulanya PKKMCJ berperanan sebagai pihak yang menjalankan program kepada usahawan kraf bagi mengalakkan penglibatan

usahawan kraf dalam program-program pembangunan yang meliputi bimbingan teknikal dan latihan dalam bidang tenunan songket dan pembuatan batik pada masa itu.

Namun begitu, pada tahun 1996, PKKMCJ telah menamatkan operasinya di Johor Bahru. Menurut Sahaimi Abd. Manaf (2009:13) atas faktor kurang galakkan penglibatan usahawan dalam bidang kraf tersebut.

Walaupun bagaimanapun, pada 22 April 2002 pejabat PKKMCJ dibuka semula dan beroperasi di Lot PTB 20002, Jalan Cenderasari Off Jalan Datin Halimah, 80350, Larkin, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim. Perbadanan tersebut beroperasi pada setiap hari Isnin hingga Jumaat. Pada hari isnin hingga khamis perbadanan tersebut dibuka pada pukul 9.00 pagi sehingga 4.30 petang. Manakala pada hari jumaat dibuka pada pukul 9.00 pagi sehingga 12.15 tengahari dan beroperasi semula pada pukul 2.45 petang sehingga pukul 4.30 petang.

Pada masa itu, PKKMCJ bertanggungjawab untuk meningkatkan pembangunan industri kraftangan dan menggalakkan penglibatan usahawan dalam sektor pembuatan kraftangan seperti dalam bidang penghasilan produk rimba, iaitu kayu rotan dan buluh. Manakala dalam bidang tekstil iaitu batik. Selain itu, pembangunan industri kraftangan juga turut menggalakkan penghasilan produk daripada seramik, peralatan muzik, dan gabungan hasil laut seperti kulit cengkerang.